



## KENYATAAN MEDIA

### **HONG LEONG YAMAHA TAJA EMPAT MOTOSIKAL KEPADA UniMAP**

SHAH ALAM 12 Mac - Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd. (Hong Leong Yamaha) menyumbang sebanyak empat buah motosikal kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam meningkatkan kesedaran tentang keselamatan jalan raya.

Empat model motosikal Yamaha yang ditaja itu terdiri daripada Lagenda 115, Nouvo LC, 135 LC dan FZ150i.

Kesemua motosikal itu akan digunakan oleh Unit Penyelidikan Teknologi Sukan Permotoran (Motech) UniMAP bagi kursus-kursus pemanduan berhemah untuk pelajar Unimap, agensi-agensi kerajaan serta orang ramai.

Majlis serahan tajaan itu berlangsung di Ibu pejabat Hong Leong Yamaha di Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh, pada Jumaat lalu.

Dalam majlis berkenaan, Hong Leong Yamaha diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Jim Khor dan Pengurus Besar Jualan, Koh Eng Chan manakala UniMAP oleh Timbalan Naib Canselor, Profesor Tan Sri Dr. Uda Hashim serta Pengurus Motech, Profesor Madya Dr. Shariman Abu Bakar.

Yang turut hadir ialah Pengarah Kejuruteraan Automotif Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Profesor Datuk Ir. Mohamad Dalib.

Sementara itu, Khor berkata, kesedaran mengenai keselamatan jalan raya merupakan fokus utama program CSR pihaknya.

“Kami bangga menjadi sebahagian daripada kerjasama strategik ini.

“Pada masa sama, kami dapat mempromosi kemahiran menunggang dengan selamat kepada masyarakat terutama golongan muda,” ujarnya.

Hong Leong Yamaha sebelum ini aktif mempromosi kempen-kempen seperti Celik Yamaha, Kempen Keselamatan Jalan Raya Balik Kampung, Program Sains Menunggang Selamat Yamaha dan terbaru, Program Menunggang Selamat Sains Kanak-kanak Yamaha.

Disediakan oleh;

**Basri Basir**  
**Unit Komunikasi Korporat (UKK)**  
**Universiti Malaysia Perlis**